

WAWANCARA EKSKLUSIF BERSAMA YB DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN HAJI ZIN

TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN MALAYSIA MERANGKAP YANG DIPERTUA PEMADAM KEBANGSAAN

SOALAN 1

Warga KUKUM merasa amat bertuah kerana pada keluaran kali ini berpeluang untuk mendekati seorang tokoh yang dikenali iaitu Yang Berhormat Dato' Haji Zainal Abidin Haji Zin atau lebih mesra dengan panggilan 'abah' dikalangan individu yang pernah terlibat secara langsung atau tidak langsung dengan organisasi PEMADAM. Sebagai makluman pembaca, wawancara kali ini akan memberi lebih tumpuan kepada tugas-tugas beliau sebagai Yang Dipertua PEMADAM Kebangsaan.

Assalamualaikum Dato'. Sebagai pembuka bicara, bolehkah Dato' ceritakan dengan serba ringkas tentang latar belakang keluarga, pendidikan serta perjalanan karier Dato' dari dahulu sehingga sekarang.

YB. Dato': Berasal dari Kampung Matang Pasir Gunung Semanggol Bagan Serai Perak. Dilahirkan pada 7 Mac 1940 dan keluarga petani, pesawahan dan penoreh getah. Ayah bernama Zin bin Mat berasal dari Permatang Menahri, Seberang Perai Utara dan Ibu Chik binti Mat berasal dari Permatang Tok Bidan Pekan Darat juga dari Seberang Perai Utara.

Pengalaman hidup dalam kawasan sawah dan ladang getah adalah lama kerana ibu bapa sentiasa berpindah mengikut musim-musim tertentu – ke sawah dan ke ladang. Cara hidup dan pengalaman berpindah ini ketara menampakkan hidup keluarga ini tidak senang bekerjaya dan mewah pun tiada juga. Faktor ini secara langsung menjadikan cara bersekolah menjadi susah – waktu dimusim padi tinggalkan kampung berjalan kaki ke sekolah dan waktu di ladang getah menumpang basikal bapa sejauh lebih daripada 12 batu pergi dan balik kerana sekolah rendah dan menengah jauh dari rumah.

Saya ada tujuh adik beradik, seorang lelaki dan tiga orang perempuan yang masih hidup tetapi dua orang lelaki dan seorang perempuan sudah meninggal dunia waktu usia masih kecil lagi. Oleh kerana kesempitan keluarga, saya mendapat pendidikan hingga ke tingkatan 4 dan selepas itu terpilih untuk mengikuti latihan perguruan di Pusat Latihan Perguruan Muar pada tahun 1961 hingga 1963. Setelah diantar balik ke Semanggol menjadi guru di Sek. Keb. Gunung Semanggol pada tahun 1963. Pada tahun 1964, saya mengambil peperiksaan tingkatan 5 dan lulus.

Perkahwinan pada tahun 1968 dengan seorang guru Asima bt Haji Abd. Latiff dan sekarang mempunyai tiga orang anak iaitu dua orang perempuan dan seorang lelaki. Kini mempunyai enam orang cucu dengan tiga orang lelaki dan tiga orang perempuan.



Pada tahun 1968, saya telah mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan dan lulus 2 principal, 2 subsid. Ditawar ke Universiti tetapi kerana tiada cukup perbelanjaan tawaran berkenaan tidak diambil. Tahun 1973 telah sekali lagi mengambil peperiksaan STP dengan kelulusan penuh dan pada tahun 1974 telah diterima masuk ke Universiti Sains Malaysia dalam jurusan Sejarah dan Politik. Pada tahun 1977, telah lulus menamatkan pengajian di Universiti dan kembali bertugas sebagai guru di Sek. Men. Muzaffar Shah, Simpang Empat Semanggol Perak dan dalam tahun ini juga saya dipilih menjadi calon BN bagi DUN Semanggol seterusnya dilantik sebagai EXCO Pertanian Negeri Perak. Kemenangan ini telah meletakkan saya secara terus komited dengan politik dan menumpukan kerjaya sebagai ahli politik profesional.

Tahun 1982 dipilih bertanding tiket BN Parlimen Bagan Serai, Perak dan dilantik sebagai Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Wilayah, manakala pada tahun 1984 dilantik sebagai Timbalan Menteri Kerja Raya pula. Dalam tahun 1987, selepas pilihanraya dilantik pula sebagai Timbalan Menteri Tenaga, Telekom & Pos dan akhir tahun 1987 digugurkan daripada jemaah kabinet tetapi kekal sebagai ahli Parlimen Semangat 46 hingga tahun 1999. Pada tahun 1988 balik menjadi ahli UMNO dan pada tahun 1999 dipilih bertanding bagi tiket BN Parlimen Bagan Serai dan menang seterusnya dilantik sebagai Timbalan Menteri Dalam Negeri. Pada pilihanraya tahun 2004 bertanding di Parlimen yang sama dan dilantik sebagai Timbalan Menteri Pertahanan Malaysia hingga sekarang.

Penglibatan secara minat dalam politik bermula sejak berumur 20 tahun iaitu sejak pilihanraya tahun 1957. Pada tahun 1964 mula menjadi ahli politik UMNO Cawangan Gunung Semanggol dan pada tahun 1964 juga menjadi Ahli Jawatankuasa Persatuan Padi Gunung Semanggol. Kemudian menjadi pemimpin Belia 4B Daerah Kerian dan 4B Negeri Perak serta EXCO 4B Malaysia. Pada tahun 1967 mula menjadi ahli Jawatankuasa Persatuan Peladang Semanggol dan kemudian menjadi Ahli Lembaga Pengarah Peladang Negeri Perak dan pada tahun 1973 – 1975 menjadi Pengurus Lembaga Pengarah Peladang Negeri Perak. Pada pertengahan tahun 1975 tidak bertanding lagi menjadi Ahli Lembaga Pengarah Peladang Negeri dan juga Peladang Kawasan Semanggol.

Dalam kepimpinan UMNO, menjadi Jawatankuasa UMNO Cawangan Semanggol kemudian menjadi Jawatankuasa UMNO Bahagian dan pernah menjadi Setiausaha UMNO Bahagian, Bendahari UMNO Bahagian, Ketua Pemuda UMNO Bahagian, Ketua Pemuda Negeri dan EXCO Pemuda UMNO Malaysia, dan Ahli Majlis Tertinggi UMNO pada tahun 1987 sebelum UMNO dibubarkan.

SOALAN 2

Kedua-dua jawatan Dato' pegang ketika ini adalah sama-sama penting dan sama-sama menuntut komitmen yang tinggi. Justeru itu, bagaimanakah Dato' dapat membahagikan tugas serta menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan tersebut?


YB. Dato': Tanggungjawab sebagai Timbalan Menteri Kementerian Pertahanan dan tanggungjawab sebagai Yang Dipertua PEMADAM adalah tanggungjawab yang dibuat mengikut kerja dan jadual tugas yang tertentu atau disusun ikut keperluan dan kehendak. Sejak 2000 hingga sekarang 2006 saya dapat memperuntukkan masa untuk aktiviti dan menjalankan tanggungjawab yang dikehendaki. Sebarang kekurangan yang saya hadapi, saya akan mendapat kerjasama penuh dari kawan-kawan lain yang diminta untuk membantu dan menjalankan tugas saya. Ahli Sukarelawan dalam PEMADAM adalah "support group" yang bertanggungjawab dan "supportive". Masa cuti saya hanya kebiasaan selamat 20 hari sahaja dalam masa satu tahun. Kebanyakan masa saya diberi kepada tanggungjawab sebagai Timbalan Menteri, sebagai Sukarelawan dalam PEMADAM dan selebihnya untuk kawasan Parlimen Bagan Serai.

SOALAN 3

Memang sudah menjadi lumrah bahawa manusia cenderung mahu melakukan perkara atau perbuatan yang ditegah. Sehingga kini masih wujud penagih tegar walaupun telah berulang kali dimasukkan ke pusat pemuliharan dadah. Mengapa ini terjadi?

bersambung muka surat 30





YB. Dato': Tidak semua manusia punya etika melakukan kerja yang ditegah. Tetapi mereka yang mahu pasti ada pengaruh dan ada unsur keinginan tertentu. Bagi yang terlibat dengan dadah bermula dengan mulanya mencuba dan kemudian ketagih. Bermula dengan ingin tahu dan kemudian terus ingin menghilangkan kesusahan dan berkhayal. Bagi yang belum ketagih dan susah meninggalkannya "tak cuba tak tahu – sudah cuba, tahu dan ketagih".

Bila sudah ketagih tiada insaf dan tidak dapat mengawal keinginan. Keinginan yang berfungsi dan ketagih yang tidak terkawal menjadikan penagih ini "penagih tegar". Penagih tegar ialah penagih yang bagi mereka ingat, sanjung, kasih serta hidup dan mati adalah untuk dadah.

SOALAN 4

Different people see the same thing differently'. Remaja yang berumur dalam lingkungan 17 hingga 25 tahun merupakan golongan sasaran pengedar dadah. Yang menjadi persoalan, golongan pelajar serta profesional juga tidak terkecuali dari menjadi mangsa cengkaman dadah. Berhubung dengan itu, apakah alternatif yang telah dikenalpasti dan boleh dipraktikkan dalam usaha mengelakkan golongan terbabit daripada terjebak dengan penggunaan dadah mengikut perspektif Dato' sendiri.

YB. Dato': Golongan muda antara umur 17 ke 25 tahun adalah yang teramai terlibat dengan penyalahgunaan dadah dan ketagihan yang sungguh hebat. Dilarang, ditangkap dan dikurung tidak menjadi penyekat dan penghalang kerana pemikiran yang sempit dan keinginan yang merugikan. Berfikir untuk kepuasan diri tanpa mengira kerosakan diri dan kesusahan pada orang lain. Kalangan umur ini mestilah kesedaran yang baik perlu disuntik lebih awal, keinsafan diwaktu rebung, waktu muda adalah pendekatan untuk menjaga sebelum rosak, sebelum terantuk tidak tengadah. Oleh itu bagi menjaga golongan ini maka keinsafan perlu dirasai oleh semua lapisan masyarakat tidak kira kecil, besar, tua dan muda.

SOALAN 5

Selaku peneraju organisasi ini, apakah harapan Dato' kepada Biro Pencegahan di IPT & Kelab PEMADAM Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Dato' Rektor KUKUM sendiri menjelang 2010?

YB. Dato': Penubuhan Kelab PEMADAM di IPTA/IPTS adalah lanjutan dari pendekatan yang dibuat di Sekolah Rendah dan Menengah di seluruh Negara.

Golongan belia dan belianwas yang sampai ke Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta adalah belia dan belianwas yang terpilih bukan saja fizikal bahkan mental yang baik. Mereka-mereka ini adalah harapan bakal menjadi pemimpin dan peneraju dalam bidang pentadbiran, usahawan dan para ilmuan yang baik. Dengan adanya penubuhan Kelab PEMADAM ini diharap pelajar di Pusat Pengajian Tinggi mendapat pengetahuan dan kesedaran awal tentang bahaya dadah. Kalangan ini adalah golongan elit yang diakui dan oleh itu pengawasan dan pemantauannya perlu diletak di bawah Pengurus yang ada dalam kalangan budaya ini. Rektor KUKUM hingga hari ini saya percaya beliau mampu dan boleh menanam kesedaran dan keinsafan menjauhkan diri dari dadah dan menyediakan pelajar untuk terus membisik dan melaung kepada semua masyarakat agar menjauhkan diri dari Dadah.

SOALAN 6

Masyarakat masih tertanya-tanya bagaimanakah caranya serta kepada pihak manakah hendak disalurkan maklumat sekiranya mereka mempunyai apa-apa infomasi mengenai kegiatan penyalahgunaan najis dadah di tempat masing-masing?

YB. Dato': Untuk menyalurkan info ini ada AADK dan PDRM. Hari ini PEMADAM telah menubuhkan aktiviti Unit Penghulu dan Ketua Kampung menjalankan fungsi memantau dan mengesan serta bertindak untuk kepentingan AADK, PDRM dan Penghulu bertindak selanjutnya.

SOALAN 7

Setiap aktiviti yang dijalankan oleh PEMADAM tidak kira diperingkat kebangsaan, negeri mahupun daerah pastinya memerlukan sejumlah perbelanjaan yang tertentu. Oleh itu, apakah langkah proaktif yang telah diambil dalam usaha mendapatkan dana yang diperlukan oleh pihak pengurusan PEMADAM untuk memastikan aktiviti yang telah direncana dapat berjalan dengan lancar.

YB. Dato': Untuk sehingga hari ini kita dibantu oleh kerajaan dan swasta yang besar dan kecil. Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan swasta lainnya seperti PETRONAS, EXXONMOBIL, Tan Chong Holdings Berhad dan individu lainnya. Keperluan PEMADAM dalam sumber ini adalah untuk pentadbiran, persuratan, siaran, iklan dan surat berita (flyers). Bagi yang mengikuti kursus anjuran PEMADAM, pihak PEMADAM hanya menyediakan tempat tinggal, makan minum sahaja, lain-lain perbelanjaan seperti tambang adalah ditanggung oleh peserta sendiri, kecuali anak-anak pelajar sekolah. Ini adalah sikap sukarela yang dibuat oleh peserta sukarelawan PEMADAM selama ini. Tetapi kejayaan aktiviti PEMADAM adalah atas kesungguhan komitmen pengelola dan peserta.

SOALAN 8

Adakah Dato' setuju dengan pendapat yang mengatakan bahawa dadah masih sukar untuk dibasmi hingga ke akar umbi disebabkan terdapatnya karenah birokrasi di peringkat penguatkuasaan. Apa komen Dato' dalam hal ini?

YB. Dato': Karena birokrasi bukan sahaja susah dalam masalah pencegahan dadah, dalam masalah lain pun ada, tapi jangan beranggapan hanya masalah birokrasi sahaja, masyarakat keseluruhannya juga menjadi punca kelambatan dan kelalaian ini. Kegagalan birokrasi adalah kegagalan kerjasama dari masyarakat umumnya. Oleh sebab itulah PEMADAM mengambil sikap "DADAH MUSUH NEGARA" maka rakyat Negara ini mesti bersatu menentang bersama. Semua rakyat menjadikan penentangan ini "total commitment" untuk menolak, membasmi dan berjaya bersama.

SOALAN 9

Negara Bebas Dadah 2015' – Kenyataan ini merupakan satu cabaran kepada semua individu dan pihak yang terlibat secara langsung dalam usaha pembasmian dadah di negara ini. Pada pandangan peribadi Dato' sendiri, dapatkah ia direalisasikan atau sekadar hanyalah fantasi?

YB. Dato': Orang menganggap satu "fantasi" kerana tidak mahu bersama bekerja dan menentang. Penentangan "terrorist komunis" juga satu ancaman kata mereka dengan hujah "domino theory" tapi akhirnya kita berjaya. Rakyat mesti percaya ini adalah perperangan Negara – peperangan kita. Kalau rosak, rosak semua dan kalau berjaya tahun 2015 – berjaya semua. Kalau kita yakin DADAH kecundang, pengedar kecundang. Kalau dadah berjaya, pengedar kaya, rakyat dan Negara kecundang. Kerosakan tidak habis-habis. Kesusahan berterusan menjadi kecelakaan dan tiada keamanan.

SOALAN 10

Akhir kata saya bagi pihak MyKUKUM dan seluruh warga Kolej Universiti ini mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan syabas diatas segala usaha dan susah payah Dato' serta ahli jawatankuasa yang terlibat dalam mengharungi segala cabaran selama melibatkan diri dalam organisasi ini tanpa mengharapkan apa-apa balasan dan pengiktirafan. Sesungguhnya hanya Allah s.w.t sahajalah yang dapat membala segala jasa bakti yang telah dicurahkan tersebut. Terima kasih yang tidak terhingga juga diucapkan kepada Dato' diatas kesudian melapangkan masa untuk wawancara ini. Sebagai menutup tirai bicara, apakah pesanan dan nasihat Dato' khususnya kepada warga KUKUM dan seluruh pembaca MyKUKUM secara amnya.

YB. Dato': Jadikan KUKUM sebagai pusat pengajian tinggi yang gagah dan contoh yang membanggakan. Selamat dari gejala yang tidak sihat tapi jadi perancang kepada kemajuan mental dan fizikal untuk ilmu dan penentangan musuh Negara.